

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 27 FEBRUARI 2023  
AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 27

## Sasar jana hasil RM2k sebulan

Oleh Mohd Iskandar  
Ibrahim  
bisnes@hmetro.com.my

Ampang

**K**erajaan menasarakkan peserta Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) berupaya menjana pendapatan sekurang-kurangnya RM2,000 sebulan bagi membolehkan mereka keluar daripada garis kemiskinan.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, sasaran itu berdasarkan kajian dilaksanakan pihaknya berasaskan garis kemiskinan tegar yang ditetapkan pada RM1,900.

Katanya, IPR bertujuan meningkatkan pendapatan golongan miskin tegar, miskin dan B40 untuk menjana pendapatan membabitkan kerjasama kerajaan, rakyat dan rakan strategik.

IPR membabitkan tiga model iaitu Inisiatif Usahawan Tani (Intan), Inisiatif Usahawan Makanan (Insan) dan Inisiatif Operator Perkhidmatan (Ikhsan).

"Kami jalankan *modeling* awal, jika melihat kepada tiga model tadi, usahawan tani, mungkin mengambil masa lebih panjang untuk mendapat pendapatan.

"Jadi kita ambil kira bantuan untuk tempoh pementauan 24 bulan termasuk penyediaan tapak, infrastruktur dan latihan termasuk elaun bulanan sementara hasil tuaian itu berlaku.

"Sama juga dengan Insan, penjualan makanan melalui mesin *vending*, juadah itu dijual dalam RM2 sahaja kerana ia membantu orang ramai menurunkan harga makanan.

"Ikhsan, operator kawal selia kemudahan kerajaan seperti tandas awam atau

### INISIATIF PENDAPATAN RAKYAT

# Sasar jana hasil RM2k sebulan



RAFIZI (tengah) bersama Aminuddin (kiri) dan Amiruddin melihat mesin layan diri yang menjual pelbagai jenis makanan pada Majlis Pelancaran Inisiatif Pendapatan Rakyat di Stesen LRT Cempaka Ampang. - Gambar NSTP/AIZUDDIN SAAD

pejabat dan mereka mendapat pendapatan dari dua sumber iaitu satu daripada kutipan harian orang bayar untuk masuk tandas atau kelengkapan kemudahan lain, tetapi jika tidak mencukupi; kerajaan tambah supaya pendapatan bulanan mereka menjadi RM2,000," katanya selepas menyempurnakan pelancaran IPR di sini, semalam.

Hadir sama, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari dan Menteri Besar Ne-

geri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun.

Rafizi berkata, IPR membabitkan ekosistem tiga pihak iaitu penerima membabitkan miskin tegar dan B40, pembimbing (peniaga setempat yang membeli produk perkhidmatan, NGO serta agensi kerajaan) dan rakan niaga.

Intan adalah insiatif untuk merekrut golongan sasaran yang berminat dalam pertanian dengan memilih hasil tanaman tinggi dalam jumlah import seperti cili,

halia dan jagung.

Insan menasarakkan peserta menjual makanan umum pada harga rendah menerusi perniagaan mesin *vending* yang mampu meningkatkan jualan melalui penambahan lokasi tumpuan.

Manakala Ikhsan merekrut golongan sasaran yang berminat bekerja sebagai pekerja pembersihan sekali gus mampu mengatasi masalah kekurangan buruh bagi menyelenggara beberapa kemudahan awam.

Katanya, kerajaan menasarakkan 100,000 peserta dari isi rumah miskin tegas dan B40 menyertai IPR tahun ini, katanya.

IPR membabitkan tiga model iaitu Intan, Insan dan Ikhsan